

Najib mahu jam, Rosmah nak gelang berlian

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com .my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam memaklumkan Mahkamah Tinggi di sini, beliau tidak meneruskan tuntutan terhadap seutas gelang emas putih bertatahkan berlian bernilai AS\$220,000.

Peguamnya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berkata, Ahli Parlimen Pekan itu hanya ingin menuntut tujuh utas jam tangan jenama Richard Mille.

“Saya telah mendapat arahan daripada Datuk Seri Najib yang beliau tidak menuntut gelang tangan yang dinyatakan. Tuntutan hanya dibuat oleh Datin Seri Rosmah (Mansor).

“Walaupun mereka berdua adalah suami isteri tetapi masing-masing menuntut perkara berbeza,” kata peguam itu.

Sementara itu, peguam Azamuddin Abd. Aziz yang mewakili Rosmah mengesahkan ba-



ANGGOTA polis mengangkat kotak-kotak mengandungi barangan dirampas di Pavilion Residences pada Mei 2018.

hawa anak guamnya itu masih lagi ingin menuntut gelang berlian tersebut. Gelang yang sama turut menuntut oleh syarikat barang kemas antarabangsa, Global Royalty Trading SAL dari Lubnan.

Peguam, Datuk David Gurupatham yang mewakili syarikat barang kemas itu menyatakan, pihaknya juga meneruskan tuntutan terhadap gelang berlian tersebut.

“Pada prosiding sebelum ini,

telah direkodkan bahawa Datin Seri Rosmah mengetepikan hak untuk memeriksa barangan kemas itu, jadi beliau tidak boleh mengenal pasti gelang tersebut.

“Sebaliknya, kami memfailkan affidavit oleh Superintenden Foo Wei Min yang merupakan pegawai penyiasat yang telah memeriksa setiap barangan kemas dan mengesahkan bahawa gelang berlian dituntut adalah milik Global Royalty,” kata Gurupatham.

Gelang berlian dan jam-jam tangan dituntut pasangan itu antara barangan yang dirampas pihak berkuasa di Pavilion Residences pada Mei 2018.

Menurut laporan media sebelum ini, antara barangan yang dirampas membabitkan 11,991 unit barang kemas, 401 utas jam tangan dan 16 unit aksesori jam tangan, 234 unit cermin mata dan 306 beg tangan serta wang tunai pelbagai denominasi berjumlah RM114,164,393.44.